

15/01/2005

Bukan sabotaj tapi kejadian luar jangkaan

By Jamhariah Jaafar

"JANGAN kaitkan unsur sabotaj dalam kejadian gangguan elektrik TNB, apa yang berlaku memang kegagalan teknikal," tegas beberapa kakitangan Tenaga Nasional Berhad dan pemimpin kesatuan sekerja yang dihubungi, kelmarin.

Ada pihak menyebarkan khabar angin bahawa gangguan elektrik kelmarin mempunyai unsur sabotaj, berikutan permintaan bonus lebih tinggi berbanding tahun sebelum ini oleh tiga kesatuan sekerja di bawah syarikat penswastaaan kerajaan itu.

Gangguan akibat kerosakan perkakas suis di Stesen Jana Kuasa Elektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Kapar, Selangor itu menyebabkan bekalan terputus sehingga lima jam di beberapa kawasan di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor - yang dijangka memberi kesan agak serius kepada sektor ekonomi.

Ketika pegawai di Bahagian Komunikasi Korporat TNB sibuk menyediakan kenyataan akhbar menafikan khabar angin itu, tiga kesatuan sekerja syarikat berkenaan turut 'dikejar' wartawan untuk mendapat gambaran lebih jelas mengenai kemungkinan wujud masalah dalaman yang boleh mencetus unsur 'sabotaj' dalam kejadian kelmarin.

"Memang kami sedar wujud spekulasi mengenai unsur sabotaj, namun bagi pihak kesatuan saya ingin menegaskan tidak timbul kemungkinan sabotaj. Hubungan kesatuan dengan pengurusan setakat ini memang baik, jika ada perdebatan ia hanya membabitkan masalah dalaman. Setakat ini tidak ada satu pun kes kesatuan dirujuk kepada Mahkamah Industri," kata Presiden Kesatuan Pegawai Rendah TNB, Raja Hang Tuah Raja Iskandar.

Gangguan elektrik kelmarin adalah kali keempat yang terbesar melanda negara ini. Bagaimanapun, ia dapat dipulihkan dalam tempoh agak pantas berbanding beberapa kejadian lalu.

Seluruh Semenanjung lumpuh pada 29 September 1992, selepas bekalan elektrik terputus 48 jam akibat petir yang merosakkan rangkaian utama di Pantai Timur, sekali gus turut menjejaskan stesen jana kuasa di seluruh Semenanjung. Kejadian itu mengakibatkan kerugian lebih RM220 juta.

Ketika itu pelbagai idea dilemparkan untuk memastikan kejadian tidak berulang, termasuk cadangan membina loji nuklear yang ditolak serta-merta berikutan pegangan dasar tenaga negara yang hanya akan menggunakan empat jenis bahan bakar bagi menghasilkan tenaga elektrik iaitu hidro, gas, minyak dan arang batu.

Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan cadangan membina loji nuklear tidak akan dipertimbangkan, kecuali jika memang tidak ada jalan lain untuk menjana kuasa elektrik kerana penggunaan nuklear sebagai bahan tenaga tidak akan mengatasi sepenuhnya kes bekalan elektrik terputus.

Tarikh 3 Ogos 1996 pula dikenali sebagai 'Black Friday' apabila gangguan elektrik berlaku pada jam 5.17 petang ketika orang ramai sesak di jalan raya. Pusat bandar di seluruh negara menjadi huru-hara apabila jutaan manusia terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Bekalan elektrik hanya pulih pada jam 8.30 pagi keesokannya.

Kabinet ketika itu membidas TNB yang sepatutnya belajar daripada pengalaman 1992 dan memperbaiki kaedah yang ada supaya tidak berulang kerana apa yang berlaku 'memalukan negara serta menjejaskan nama baik Malaysia'.

"Saya fikir malulah kita dan saya berasa cukup malu. Sebuah negara yang menjadi contoh kepada dunia ketiga. Semua orang datang untuk melihat

bagaimana kita urus itu dan ini. Kita ajar orang, tapi tiba-tiba kita nak uruskan elektrik pun nampak macam tidak begitu berjaya. Malulah kita, di mana kita nak letak muka.

"Saya tidak percaya kalau tak ada kesilapan kita ia akan berlaku begitu saja. Dulu kononnya dah ambil tindakan dan buat itu ini pasal tak cukup elektrik sehingga berlaku kejadian pertama. Sekarang sudah ada pengeluar tenaga persendirian (IPP) dan jumlah keupayaan meningkat 50 peratus tetapi masih berlaku. Saya tidak tahu di mana salahnya," kata Dr Mahathir.

Pengerusi Eksekutif TNB ketika itu, Tan Sri Dr Ani Arope, memohon maaf kepada rakyat Malaysia dan mengaku TNB memang patut dipersalahkan atas kejadian yang mengaibkan nama negara itu.

Selepas pelbagai kritikan dan analisis termasuk cadangan supaya menamatkan monopoli yang dinikmati TNB dalam pengedaran bekalan elektrik, syarikat milik negara itu mengambil pelbagai langkah untuk memastikan imejnya tidak terus tercemar. Namun, TNB hanya mampu merancang, gangguan sering berlaku di luar jangkaan kerana ia membabitkan kecuaihan dan kealpaan manusia.

Talian penghantaran bekalan elektrik terus terpelantik pada 18 November 1998 dan kawasan yang terus terbabit ialah Selangor dan Melaka, manakala negeri lain seperti Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu, hanya membabitkan kawasan kecil.

Pada 1 September 2003, lima negeri - Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan - mengalami gangguan bekalan selama empat jam sejak 10 pagi dan bekalan pulih semula pada jam 2 petang. Kejadian itu disebabkan masalah teknikal apabila talian penghantaran bekalan elektrik antara Bukit Beruntung di Rawang dengan Batu Gajah di Perak terpelantik ketika kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Dalam kejadian terbaru kelmarin, Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, sekali lagi bergelap lebih dua jam kerana berlaku kerosakan pada perkakas suis di stesen jana kuasa di Kapar.

Seperti biasa setiap kali berlaku gangguan elektrik, pengurusan TNB menjadi sasaran wartawan dan antara soalan yang pasti ialah adakah syarikat itu boleh memberi jaminan kejadian yang sama tidak akan berulang.

Setiap kali soalan itu dilemparkan, jawapannya adalah sama atau pegawai yang lebih matang akan mendiamkan diri kerana memang tidak ada jaminan untuk memastikan ia tidak akan berulang.

Seorang pegawai TNB yang diaju soalan yang sama menegaskan, memang tidak ada sebarang jaminan dapat diberikan kerana ada kejadian yang tidak dapat dielakkan kerana sebarang kerosakan di stesen jana kuasa juga boleh memberi kesan kepada seluruh sistem elektrik di Semenanjung.

"Tidak timbul sama ada TNB tidak belajar daripada pengalaman kejadian pada 1992 atau kejadian selepas itu. Semua cadangan sejak 1992 sudah dilaksanakan.

"Apa yang berlaku memang boleh dielakkan jika kita dapat mengesan puncanya dari awal, tapi keadaan di luar jangkaan. Kita hanya boleh menangannya dengan pantas.

"Untuk memberi jaminan kejadian tidak berulang... siapa yang berani berbuat begitu," luah pegawai terbabit.

(END)